

SYAHRUDDIN (dua kiri) memotong riben sebagai simbolik perasmian Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf sambil diperhatikan Irra (kiri) dan Hilmey (dua kanan).

KKE UMS lancar tabung makanan untuk pelajar kurang mampu

UB 10.4.2018 A7

KOTAKINABALU: Tabung makanan Kolej Kediaman Excellent (KKE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilancarkan di hadapan pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) kolej berkenaan.

Dinamakan sebagai Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf, tabung itu merupakan hasil inisiatif Exco Kebajikan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) KKE.

Yang Dipertua Jakmas KKE Siti Irra Shahirah Mohd Yasin berkata, Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf adalah tabung makanan bagi membantu pelajar KKE yang kurang berkemampuan dan dihaskan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.


"Nama Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf diambil daripada nama salah seorang sahabat Nabi Muhammad SAW iaitu Abdur Rahman bin Auf kerana sikap dermawannya yang sanggup mendermakan sejumlah hartanya di dalam peperangan Tabuk.

"Justeru, melalui tabung makanan ini ia dilihat mampu menjadi sumber inspirasi kepada pelajar memupuk sikap dermawan dalam diri," katanya ketika ditemui media.

Sementara itu, Pengetua Kolej Kediaman Excellent Dr Syahrudin Awang Ahmad berkata, inisiatif itu wajar dipuji dan perlu dicontohi kerana ia bukan sahaja menerapkan sifat dermawan dalam kalangan pelajar KKE, tetapi meningkatkan sahsiah pelajar dengan melahirkan sikap prihatin terhadap sesama manusia.

"Slogan program iaitu 'Sharing is Caring' juga merupakan wadah untuk memupuk sifat kasih sayang dan keperihatinan pelajar dalam membantu mereka yang memerlukan, serta mengaplikasikan sifat yang mulia ini di dalam kehidupan mereka," katanya.

Turut hadir pada program itu, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Excellent merangkap Penyelaras Program Mohd Hilmey Sali.



HILMEY (dua kanan) turut menyumbang makanan ke ruangan Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf sambil diperhatikan Syahrudin (dua kiri) dan Irra (kiri).